

Negara boleh capai potensi hebat jika rakyat berpakat

PM beri amaran kerajaan sedia guna kuasa tangani isu hasutan kaum

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia mampu mencapai potensi hebat jika semua rakyat berpakat dan bersatu, tiada pihak mencetuskan hasutan kaum dan menanam kebencian ke arah keganasan, manakala amalan rasuah, penyelewengan dan sikap khianat kepada negara dinoktahkan.

Demikian tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang berharap sambutan Hari Kebangsaan 2024 dimanfaatkan sebagai permulaan untuk semua rakyat berpaut antara satu sama lain demi memartabatkan Malaysia menjadi negara yang hebat.

Beliau juga memberi amaran, kerajaan sedia menggunakan kuasa dan kekuatan yang ada, termasuk meminda serta menambah peruntukan undang-undang bagi menangani isu hasutan kaum di negara ini.

Tegasnya lagi, menjadi tugas kerajaan untuk menyelamatkan negara daripada hasutan kelompok kecil tidak bertanggungjawab yang cuba mencetuskan keganasan, kebencian dan permusuhan antara satu sama lain.

"Jika ada mana-mana kelompok kecil bawa hasutan kaum ke arah keganasan dan kebencian



Anwar menyerahkan Jalur Gemilang kepada Sal Rakesh Vijayan dari Tabika Perpaduan Sri Sungai Pelek, Sepang pada Majlis Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2024 di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil (kiri) dan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (dua dari kanan). (Foto BERNAMA)

dan permusuhan antara satu sama lain, saya tidak peduli sama ada disenangi media antarabangsa atau negara luar kerana tugas kita adalah selamatkan Malaysia tercinta ini.

"Kalau tidak cukup (undang-undang), kita pinda, tambah peruntukan undang-undang, ambil tindakan supaya negara ini selamat dan dapat diangkat sebagai negara hebat di rantau dan dunia ini," katanya.

Dalam Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2024 semalam, Anwar yang juga Menteri Kewangan melihat Malaysia sebagai negara merdeka memiliki potensi yang hebat yang mampu direalisasikan jika semua rakyat berpakat dan bersatu.

"Apa kurangnya negara kita, kesedaran, pencerahan, keupaya-

an menarik pelaburan, tingkat pendidikan harus diperbaiki untuk yang paling kaya kepada paling miskin. Jangan pinggirkan sesiapa kerana semangat perpaduan sangat penting dan tidak boleh diremehkan," katanya.

Perpaduan angkat darjat

Katanya, perpaduan amat penting dan tidak boleh diremehkan kerana semangat itu mampu mengangkat darjat Malaysia ke peringkat lebih tinggi dan mampu dijulang dengan lebih cemerlang.

"Kita beri nasihat, anjuran, desakan, tapi saya nak guna kesempatan beri amaran bahawa negara ini di tapak landasan sangat baik," katanya juga mahu budaya baharu dimulakan dengan menoktahkan amalan ke-

terlanjuran rasuah dan penyelewengan serta sikap khianat kepada negara.

Tegasnya lagi, pimpinan harus lebih bertanggungjawab, tidak mengizinkan amalan merompak kekayaan negara dan salah guna kuasa demi kepentingan peribadi.

"Apa erti kemerdekaan, setiap tahun ribuan anak beratur mengibarkan bendera keramat menjerit 'Merdeka', tetapi jiwa dirasuk kerana kita mengizinkan dan sistem mengizinkan keterlanjuran yang berterusan.

"Kita belajar dari sejarah. Buta sejarah, buta hati, buta perasan, buta ciri kemanusiaan akan menyebabkan negara menerima dendangan hasut, dengki, khianat, mengizinkan keterlanjuran rasuah dan penyelewengan.